

03/12/1997

Konflik akademik dan tuntutan masyarakat

MEMBELEK lembaran akhbar seminggu saya tidak ada di sini, dua berita menarik perhatian saya kerana kedua-duanya menyangkuti dunia akademik. Pertama penahanan di bawah ISA seorang Professor di UM dan kedua larangan kepada ahli akademik mengeluarkan kenyataan bersangkutan jerebu di negara ini.

Penahanan di bawah ISA bukan perkara baru bagi ahli akademik di universiti kerana sebelum ini Prof Syed Husin Ali dan beberapa orang lagi dari UM ditahan di bawah ISA ketika UM bergolak dulu dengan demonstrasi penuntut. Selain Kassim Ahmad yang menerbitkan Universiti Keduanya, Syed Husin menerbitkan Dua Wajah yang mengisahkan pengalaman dan pandangannya sebagai tahanan ISA.

Prof Lutfi Ibrahim ditahan bersangkutan kegiatan penyebar faham Mazhab Syiah. Difahaman kegiatan itu menggugat keselamatan negara dan keharmonian masyarakat. Sebelum ini kegiatan agama yang dikenakan tahanan ISA membabitkan ahli pergerakan al-Arqam. Pada pengertian saya peruntukan ISA digunakan kerajaan bagi kes yang mengancam keselamatan negara dan kestabilan masyarakat.

Apabila pengajaran agama dibabitkan, ia bersangkutan dengan akidah dan pihak bertanggungjawab bagi pentadbiran agama selalunya di negeri, kerana negerilah yang berkuasa dari segi agama, mengambil tindakan. Ini banyak mensabitkan kes ajaran agama sesat, seperti al-Arqam. Mahkamah syariahlah yang mempunyai bidang kuasa undang-undang dari segi ini termasuk kes khalwat dan mengingkari hukum-hakam agama.

Saya tidak arif dari segi soal keselamatan negara, ataupun soal melanggar akidah Islam. Badan yang dipertanggungjawabkan dengan soal itu seperti polis atau pentadbiran agama dan Mahkamah Syariah tentu lebih tahu. Namun sebagai rakyat biasa, kita mengharapakan penjelasan dan ketulusan dari segi tindakan penahanan itu.

Yang hendak dihindarkan ialah kemungkinan berlaku ketidakadilan kerana masyarakat berpegang kepada prinsip menjaga hak asasi manusia. Sebolehnya kita mesti memberi keyakinan kepada rakyat, tidak berlaku sebarang penganiayaan, penyelewengan mahupun penyalahgunaan kuasa.

Rekod kerajaan menjaga hak asasi manusia dan prinsip demokrasi, menghindar penyelewengan, rasuah, penyalahgunaan kuasa dan lain-lain memang tidak boleh digugat. Bidang kuasa Badan Pencegah Rasuah (BPR), misalnya diperluas serta diperkukuhkan bagi menjamin tidak berlaku penyelewengan.

Akibat tidak telusnya perdagangan mata wang kita saksikan betapa buruknya. Kerajaan berjuang di peringkat antarabangsa supaya ketelusan itu tidak akan menjejaskan ekonomi negara.

Ketelusan menangani kes ISA yang dituduh mengancam keselamatan negara bukan saja menaikkan imej negara pada mata dunia luar, terutama Barat, tetapi dapat memberi panduan dan sempadan kepada rakyat yang lazimnya jahil mengenai selok-belok politik yang tidak bertanggungjawab dan menghindarkannya daripada digunakan sebagai alat untuk tujuan tertentu.

Pengajian Islam bukanlah bidang saya, tetapi sebagai pemimpin UM dulu, saya tahu Prof Lutfi adalah salah seorang daripada beberapa kerat sarjana bidang itu yang menulis bagi jurnal bertaraf antarabangsa. Saya tidak tahulah dari segi akidahnya, tetapi dari segi akademik saya kira penyentuhan mengenai mazhab Syiah tidak dapat dielakkan.

Dengan pengetahuan saya yang cetek, sering bergolak dalam kepala saya,

apakah mungkin kita tidak menyentuh soal Mazhab Syiah, bahkan mazhab lain juga, apabila kita membicarakan sejarah atau falsafah Islam? Sebagai ahli akademik, kadangkala menyentuh satu perkara saja tidak cukup, kerana dorongan mendalam dan melihat sesuatu daripada pelbagai segi sentiasa wujud. Apabila berdepan dengan penuntut pula, mungkin keghairahan kita membincangkan sesuatu perkara itu boleh disalahtafsirkan seolah-olah kita berdakwah pula.

Mungkin apabila kecenderungan akademik itu bertemu dengan tuntutan di luar lahirlah beberapa tanggapan lain pula. Siapa kata menjadi ahli akademik tiada risiko? Ia tidak lagi terasing dalam menara gadingnya. Apabila ia berinteraksi dengan dunia luar, baru ia mengenali realiti lain selain yang dibinanya melalui kegiatan akademik. Begitulah nampaknya pengalaman yang baru dialami Prof Lutfi.

Larangan membuat kenyataan berkenaan alam sekitar, khususnya jerebu, tidak menghairankan saya. Larangan membuat kenyataan sekali-sekala berlaku, kerana di bawah Akta Universiti dan Kolej memang termaktub pensyarah cuma boleh membuat kenyataan dengan izin Naib Canselor sesebuah universiti.

Ini adalah salah satu bantahan yang pernah dikemukakan oleh dunia akademik terhadap akta itu. Terpulang kepada kebijaksanaan Naib Canselor menangani isu ini. Yang lebih bersifat 'authoritarian' misalnya akan menguatkuasakan peruntukan itu sekeras-kerasnya, hingga menyekat daya pengeluaran pensyarahnya. Betapa tidak, setiap makalah yang ditulis memerlukan kebenaran Naib Canselor lebih dulu.

Bagi yang lebih memahami tuntutan dunia akademik, kenyataan cuma bererti ungkapan yang menyentuh hal bukan akademik. Selagi seorang pensyarah berhasrat melahirkan makalah bersangkutan penyelidikan dan bidangnya yang lain, ia bebas melakukannya. Bahkan ia digalakkan berbuat demikian. Tetapi jika ia ingin memberi pendapat atau pandangan di luar bidangnya dan mengaitkan kedudukannya sebagai pensyarah di universiti itu, ia perlu mendapat kelulusan Naib Canselor mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej.

Larangan itu tidak menghairankan kerana ia mencerminkan pendekatan 'bureaucratic authoritarianism' jentera pentadbiran kerajaan. Tetapi menghairankan pula kerana dalam suasana hendak mengkorporatkan universiti dan dengan itu memberi lebih autonomi kepada mereka, masih diperlakukan larangan menerusi surat siaran daripada kementerian. Dalam masa kita meliberalkan peraturan bersangkutan dasar pendidikan tinggi, nampaknya kita menjadi kurang toleran terhadap ahli akademik membuat kenyataan, walaupun ia bersangkutan bidang penelitiannya di universiti.

Hairan juga saya kerana tidak kedengaran reaksi daripada ahli akademik kita mengenai larangan itu. Mungkin kerana surat siaran yang melarang membuat kenyataan berkenaan alam sekitar itu dilihat sebagai meliputi sebarang kenyataan. Tidakkah menyatakan tidak setuju terhadap surat siaran itu bukan lahir daripada bidang tertentu yang diselidiki atau dikaji?

Saya rasa penyakit 'tiada suara' di kalangan orang politik yang mula-mula dibangkitkan oleh Tun Daim, dan baru-baru ini disentuh oleh media massa seperti pojok A Nazri Abdullah 'Mengapa perdebatan Umno semakin hambar' (BM 28.9.97) atau kolum Mahathir Mat Khir dalam majalah 'Massa' (20-26 September 1997) menjangkiti ahli akademik kita.

Walhal media massa nampaknya banyak bersuara dalam hal ini. Tulisan Salina Abdullah, 'Menyekat pandangan saintis tempatan rugikan rakyat' (BH 12.9.1997) ataupun kartun yang menggambarkan ahli akademik bertutup hidung dan mulut walaupun tiada jerebu oleh Juragan dalam akhbar Metro (17.9.1997) dapat memaparkan penerimaan umum terhadap larangan itu.

Seperti kes Prof Lutfi juga, isu ini timbul kerana apa yang dikerjakan dalam bidang akademik tidak mungkin terasing daripada masyarakat. Konsep

dunia akademik sebagai 'menara gading' tidak lagi relevan. Konflik lahir dalam pertembungan antara dunia akademik dan dunia seharian apabila kenyataan akademik tadi dilihat sebagai berlawanan dengan kepentingan ekonomi masyarakat dan kesejahteraannya.

Seperti kata Datuk Sri Mohamed Rahmat, larangan itu mengelakkan masyarakat jadi panik. Selain itu ia juga mengelakkan pelancong asing tidak berkunjung dan menjejaskan ekonomi. Tetapi sebaliknya, kenyataan saintis berdasarkan ilmu pengetahuan dan penyelidikan.

Kerana itu pertimbangan yang saksama harus diberi, bukan dengan mengenakan larangan saja. Berkali-kali Timbalan Perdana Menteri mengingatkan supaya pihak berkuasa bertindak bijaksana, supaya tindakan tidak membawa kerugian kepada masyarakat .

Seperti kata Salina: "Adakah perlu menanti kematian rakyat untuk melaksanakan langkah dan cadangan yang dikemukakan pensyarah terbabit?" Sudah sampai masanya pihak berkuasa tidak bertindak atas dasar 'authoritarianism' saja, tetapi atas pertimbangan saksama. Kalau kita fikir orang sains sosial saja mempunyai risiko profesionnya, mereka dalam bidang sains neutral juga menghadapi risiko profesionnya (hazards of the job).

(END)